

# Buletin ACIS

eISSN: 2600-8289

Rabiul akhir 1440 — Disember 2018

BIL: 08 / 2018



## Akhhlak Asas Etika Ejen Takaful

Keutamaan...

i-TALK 5

# Buletin ACIS

## SIDANG REDAKSI

### Penaung:

Prof. Dr. Nasrudin Mohammed  
(Rektor)

### Penasihat:

Hisam Satari  
(Ketua Pusat Pengajian Acis )

### Editor:

Mu'allim Bin Mohd Bakri

### Sidang Pengarang:

Norlela Binti Kamaluddin  
Nor Saadah Binti Musa  
Mu'allim Mohd Bakri

### PENERBIT

UiTM Cawangan Negeri Sembilan  
Kampus Seremban  
Persiaran Seremban Tiga/1,  
70300 Seremban 3,  
Negeri Sembilan, Malaysia

Jika berminat untuk  
menghantar sebarang artikel  
atau komen, boleh email ke  
**bulletin.acis.n9@gmail.com**  
**muallim@ns.uitm.edu.my**

## Pengantar Redaksi

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera kepada pembaca budiman sekalian. Alhamdulillah, Buletin ACIS siri ketigabelas atau siri kelapan yang mempunyai e-ISSN ini berjaya diterbitkan. Tajuk Fokus bulan ini adalah "**Akhhlak Asas Etika Ejen Takaful**". Selain itu, terdapat banyak lagi hasil penulisan yang menarik di dalam keluaran kali ini. Semoga, buletin ACIS ini dapat memberi manfaat kepada para pembaca dan warga UiTM semua. Selamat membaca.

## Isi Kandungan

=> Akhlak Asas Etika Ejen  
Takaful ( 3 )

=> I-Talk siri 5 ( 9 )

=> Keutamaan ( 11 )

**HAKCIPTA TERPELIHARA**  
Terbitan Buletin ACIS ini diterbitkan  
sebulan sekali

# Akhhlak Asas Etika Ejen Takaful

Oleh : Norlela Binti Kamaluddin

(Pensyarah Kanan ACIS UiTM Kampus Seremban)

## *Wakil Peserta Takaful* <

Perkataan “ejen” seiring dengan industri insuran dan takaful. Malahan bagi orang awam, ejen adalah tunjang utama dalam penawaran perkhidmatan sistem perlindungan, dan bukannya syarikat. Dalam konteks takaful, syarikat dan ejen adalah wakil kepada pelanggan (berdasarkan kontrak wakalah) iaitu syarikat diwakilkan oleh pelanggan untuk menguruskan dana dan pelan takaful, manakala ejen takaful pula adalah wakil syarikat untuk mempromosikan pelan takaful kepada pelanggan (Engku Rabiah Adawiyah, 2010). Kedua-dua wakil ini mestilah menunaikan tanggungjawab mereka kepada pelanggan dengan amanah, jujur dan

## > *Jsu Etika Ejen Takaful*

Ejen mempunyai peranan dan tanggungjawab yang penting bagi memastikan proses ber-kaitan sijil takaful bagi pihak peserta dan pengendali takaful sentiasa telus dan betul seperti yang diterangkan dalam Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 (APKI 2013): “ejen takaful sebagai seorang yang mensolisit atau mendapatkan cadangan bagi sijil takaful, menawarkan atau mengambil alih dalam me-rundingkan sijil takaful atau melakukan apa-apa tindakan lain berhubung dengan pengeluaran, pembaharuan atau pene-rusan suatu sijil takaful bagi pihak pengendali takaful”.

Bagi memantapkan peranan dan tanggungjawab tersebut, Persatuan Takaful Malaysia (MTA) telah memperuntukan beberapa panduan tatakelakuan yang perlu dipatuhi oleh setiap ejen yang mempromosikan takaful (IBFIM, 2010). Tetapi menjadi lumrah alam bahawa manusia tidak pernah sunyi daripada membuat khilaf, begitu juga dengan segelintir daripada ejen. Antara rungutan yang dibuat oleh peserta tentang ejen adalah mengenai kesilapan mereka dalam memberikan penerangan mengenai perlindungan takaful atau perkhidmatan yang tidak memuaskan (Ketua Pegawai Eksekutif Great Eastern Takaful Berhad, 2014).

# **Kepentingan Akhlak Sebagai Asas Etika Ejen**

Nilai universal antara agama adalah etika, moral atau tatakelakuan yang baik. Dari Anas (RA) dia berkata, Nabi SAW bersabda: "Sesungguhnya setiap agama memiliki akhlak, dan akhlak Islam adalah rasa malu." (HR. Ibnu Majah). Antara kepentingan akhlak sebagai asas etika ejen adalah:

## **1. Mendapat penilaian yang tinggi**

Kedudukan para ejen yang berakhhlak mulia di sisi Allah SWT adalah sama dengan mereka yang menunaikan solat sepanjang malam dan yang berpuasa sepanjang hari. Aisyah (RA) berkata, aku mendengar Nabi SAW bersabda: "Sesungguhnya orang-orang yang beriman dengan akhlak baik mereka boleh mencapai (menyamai) darjat mereka yang menghabiskan seluruh malamnya dalam solat dan seluruh siangnya dengan berpuasa." (HR Ahmad)

## **2. Melaksanakan tanggungjawab dengan sempurna dan baik**

Ejen yang berakhhlak akan mempastikan penyampaian perkhidmatan yang cekap dan berintegriti. Rasulullah SAW bersabda bermaksud: "Sesungguhnya yang terbaik di antara kalian adalah yang terbaik akhlaknya." (HR Ahmad).

## **3. Memelihara kepercayaan dan kesetiaan pelanggan**

Ejen yang berakhhlak akan menjadi tempat bergantung para pelanggan. Mereka akan sentiasa menghubungi ejen dalam apa jua hal dan ini akan menjadikan mereka sebagai pelanggan jangka panjang. Pada masa sama mereka ini juga akan mempromosi ejen kepada rakan mereka sebagai pelanggan takaful yang berpotensi. Ini semua dapat meningkatkan produktiviti ejen.

## **4. Meningkatkan komitmen kepada organisasi**

Ejen yang berakhhlak juga akan komited menjalankan tanggungjawab terhadap organisasi mereka. Ini akan menyumbang kepada kejayaan organisasi dalam menawarkan produk dan perkhidmatan kepada pelanggan.

# ► Empat Akhlak Asas Rasulullah SAW

Kami akan menjelaskan etika ejen dengan memperincikan peranan dan tanggungjawab mereka terhadap keperluan pelanggan kepada pelan takaful. Etika tersebut adalah bersandarkan kepada empat akhlak utama Rasulullah SAW iaitu siddiq (benar), tabligh (menyampaikan), amanah (jujur) dan fatonah (bijaksana). Kami berharap aplikasi etika ini dapat meningkatkan mutu perkhidmatan ejen dan juga tahap kepercayaan peserta terhadap sistem kewangan Islam.

## 1. Siddiq Asas Etika Ejen Takaful

Siddiq bermaksud benar iaitu benar pada ucapan dan perbuatan. Maksud firman Allah SWT: "Dan tiadalah yang diucapkannya itu (Al Qur'an) menurut ke mahuan hawa nafsunya. Ucapannya itu tiada lain hanyalah wahyu yang di wahyukan kepadanya." Q (al-Najm: 4 - 5). Manakala Rasulullah SAW pula ber pesan: "Rasa takut terhadap manusia jangan sampai menghalangi kamu untuk menyatakan apa yang sebenarnya jika memang benar kamu melihatnya, menyaksikan atau mendengarnya." (HR Ahmad).

Berhubung dengan tatakelakuan ejen takaful, mereka perlu menjelaskan perkara dalam Jadual 1 dengan benar dan tepat tanpa ada niat untuk menipu daya peserta. Sabda Nabi SAW: "Peniaga yang benar dan beramanah akan ditempatkan bersama-sama para nabi, golongan orang-orang yang benar dan para syuhada." (HR Tirmidzi).

Jadual 1: Siddiq Asas Etika Ejen

AKHLAK RASULULLAH SAW	ETIKA EJEN
Siddiq	Menjelaskan kontrak dalam pelan takaful.
	Menjelaskan ciri-ciri produk pelan takaful.
	Menjelaskan aktiviti pelaburan dana peserta.
	Menjelaskan manfaat perlindungan apabila tamat tempoh matang pelan takaful atau apabila peserta ditimpa musibah.
	Menjelaskan kesan apabila peserta menarik diri sebelum tempoh matang.
	Menjelaskan kesan daripada melanggar syarat dan terma dalam kontrak.

## **2. Amanah Asas Etika Ejen Takaful**

Amanah bermaksud boleh dipercayai iaitu melaksanakan tanggungjawab dengan jujur dan sebaik-baiknya. Amanah juga bermaksud menyimpan rahsia, memberi penjelasan terperinci, serta menunaikan hak tanpa tujuan ke pentingan peribadi. Firman Allah SWT yang bermaksud: "Aku menyampaikan amanat-amanat Tuhan kepadamu dan aku hanyalah pemberi nasihat yang terpercaya bagimu." Q (al-A'raf: 68).

Berhubung dengan tatakelakuan ejen takaful, mereka perlu bertanggung jawab terhadap perkara dalam Jadual 2 tanpa ada niat untuk menzalimi peserta. Dari Abu Hurairah RA berkata, Rasulullah SAW bersabda: "Apabila amanah disia-siakan maka tunggulah saat kehancurannya." Salah seorang sahabat bertanya: "Bagaimanakah mensia-siakannya, hai Rasulullah?" Rasulullah SAW menjawab: "Apabila perkara itu diserahkan kepada orang yang bukan ahlinya, maka tunggulah saat kehancurannya." (HR Bukhari).

Jadual 2: Amanah Asas Etika Ejen

AKHLAK RASULULLAH SAW	ETIKA EJEN
Amanah	Ejen bertanggungjawab menjelaskan isu semasa takaful.
	Ejen bertanggungjawab terhadap wang caruman peserta.
	Ejen bertanggungjawab memudahkan urusan tuntutan pampasan peserta.
	Ejen bertanggungjawab membuat tindakan susulan dan memberi perkhidmatan yang berterusan kepada pelanggan seperti memperbaharui sijil takaful, dan memaklumi pelanggan tentang maklumat produk-produk baru yang berkaitan.

### **3. Tabligh Asas Etika Ejen Takaful**

Tabligh bermaksud menyampaikan iaitu memberitahu perkara yang betul dan yang salah dengan berhikmah. Ia juga meliputi mengajak masyarakat kepada perkara baik dan menegur mereka dari melakukan perkara maksiat dengan cara lemah lembut, bersabar dan istiqamah. Firman Allah SWT bermaksud: "Supaya Dia mengetahui, bahawa sesungguhnya rasul-rasul itu telah menyampaikan risalah-risalah Tuhanya, sedang (sebenarnya) ilmu-Nya meliputi apa yang ada pada mereka, dan Dia menghitung segala sesuatu satu persatu." Q (al-Jin: 28).

Berhubung dengan tatakelakuan ejen takaful, mereka perlu menyampaikan perkara dalam Jadual 3 dengan betul dan tepat tanpa ada niat untuk menyembunyikan sesuatu kebenaran mahupun yang palsu.

Jadual 3: Tabligh Asas Etika Ejen

<b>AKHLAK RASULULLAH SAW</b>	<b>ETIKA EJEN</b>
Tabligh	Ejen menjelaskan kepentingan takaful.
	Ejen menerangkan fatwa mengenai takaful dan insurans konvensional.
	Ejen menerangkan pelan dan produk takaful dengan jelas.
	Ejen berlemah lembut dan sabar dalam berkomunikasi dengan pelanggan.

### **4. Fatonah Asas Etika Ejen Takaful**

Fatonah bermaksud bijaksana dan cerdas iaitu mempunyai pengetahuan dan kemahiran mengendalikan sesuatu perkara seiring dengan keperluan dan kemajuan persekitaran. Allah SWT berfirman bermaksud: "Allah menganugerahkan al-hikmah (kefahaman yang dalam tentang Al-Qur'an dan As-Sunnah) kepada siapa yang Dia kehendaki. Barangsiapa dianugerahi al-hikmah itu, dia benar-benar telah dia-nugerahi kurniaan yang banyak. Hanya orang-orang yang berakallah yang dapat mengambil pelajaran (dari firman Allah)." (al-Baqarah: 269).

Berhubung dengan tatakelakuan ejen takaful, mereka perlu mempunyai ilmu pengetahuan dan kebijaksanaan dalam mempromosikan pelan takaful tanpa ada unsur paksaan kerana hidayah adalah daripada Allah SWT (Muhammad Nor adli, 2011). Firman Allah SWT bermaksud: "Maka dengan sebab rahmat (yang melimpah-limpah) dari Allah (kepadamu wahai Muhammad), engkau telah bersikap lemah-

lembut kepada mereka (sahabat-sahabat dan pengikutmu), dan kalaualah engkau bersikap kasar lagi keras hati, tentulah mereka lari dari kelilingmu..." (Ali Imran: 159). Etika ejen berdasarkan fatonah dijelaskan dalam Jadual 4.

Jadual 4: Fatonah Asas Etika Ejen

<b>AKHLAK RASULULLAH SAW</b>	<b>ETIKA EJEN</b>
Fatonah	Ejen bijaksana dalam menilai keperluan pelanggan terhadap pelan takaful.
	Ejen mengetahui prinsip muamalat yang digunakan dalam takaful.
	Ejen mahir dengan ciri-ciri produk takaful.

## ► Rumusan

Asas etika ejen adalah wajar bersandarkan akhlaq Islamiyah yang bersifat universal. Ini kerana akhlak adalah satu mekanisme influencer tatalaku yang baik dan juga mekanisme pengawasan terhadap salah laku seseorang individu, masyarakat dan kepimpinan. Dalam konteks takaful, ia juga boleh menjadi satu dari penanda aras kepada tahap patuh syarak sistem takaful. Tahap patuh syarak amat penting kerana ia dapat meningkatkan kepercayaan pelanggan terhadap takaful dan sistem kewangan Islam.

## ► Rujukan

1. IBFIM. 2010. AsasTakaful. Kuala Lumpur: IBFIM Sdn. Bhd.
2. Engku Rabiah Adawiyah Engku Ali. 2010. Panduan Asas Takaful. Kuala Lumpur: CERT Publication Sdn. Bhd
3. Muhammad Nur Adli Rasol. 2011. Penerapan Nilai Moral Dan Etika Dalam Takaful: Analisis Terhadap Ejen Takaful. Kuala Lumpur: Jabatan Syariah dan Ekonomi, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya
4. Lailatul Faizah Abu Hassana, Wan Jamaliah Wan Jusoh & Zarina Hamid. 2014. Determinant of Customer Loyalty in Malaysian Takaful Industry. Procedia - Social and Behavioral Sciences 130 ( 2014 ) 362 – 370. Muat turun dari [www.sciencedirect.com](http://www.sciencedirect.com)
5. Lailatul Faizah Abu Hassana, Wan Jamaliah Wan Jusoh & Zarina Hamid. n.d. Customer Knowledge, Trust, Purchase Intention and Loyalty Among Policyholders in Takaful Industry. Muat turun dari [www.academia.edu](http://www.academia.edu)
6. Ketua Pegawai Eksekutif Great Eastern Takaful Berhad. 2014. Etika Ejen Dalam Mempromosi Takaful. Utusan Online. Muat turun dari <http://www.utusan.com.my/bisnes/ekonomi/etika-ejen-dalam-mem-promosi-takaful-1.27200>
7. Siti Khadijah Ab. Manan, Norlela Kamaluddin & Ahmad Saiful Azlin Puteh. 2015. Islamic Work Ethics (IWE) Practice among Employees of Banking Sectors. Middle-East Journal of Scientific Research 23 (5): 924-931, 2015

# i-TALK 5

Oleh : Mu'allim Bin Mohd Bakri

(Pensyarah Kanan ACIS UiTM Kampus Seremban)



Pada 23 Oktober 2018 bertempat di Dewan Dato' Laksamana FSPPP, UiTM Kampus Seremban sebuah program i-TALK telah dianjurkan oleh ACIS

Kampus Seremban. Program i-TALK siri 5 ini merupakan sebuah program yang bercirikan kuliah pengukuhan. Program ini melibatkan peserta dari kalangan



para pelajar degree FSPPP yang mengambil kod kursus CTU551.

i-TALK siri 5 ini telah disampaikan oleh Dr Rohaidah Binti Haji Kamarudin, Pensyarah Kanan Universiti Putra Malaysia. Beliau telah membedah buku hasil tulisan beliau iaitu "Buku Hang Tuah: Catatan Vijayanagara Dan Okinawa"

Selain itu, program i-TALK kali ini juga telah diserikan dengan kehadiran Timbalan Rektor HEA Prof. Madya Dr. Abdul Halim serta koordinator ACIS kampus Seremban Ust. Nasif Sidquee Pauzi. Diharapkan dengan adanya bengkel ini sedikit sebanyak dapat memberi input dan maklumat tambahan kepada mahasiswa/i yang mengambil kod kursus tersebut.



# Keutamaan...

Oleh : Nor Saadah Binti Musa  
(Pensyarah ACIS UiTM Kampus Seremban)

## Pertama

### **Keutamaan mencegah kemungkaran yang nyata berbanding kemungkaran tersembunyi**

#### **i. Kemungkaran yang nyata**

Maksiat yang nyata adalah maksiat yang berlaku secara jelas dan terbuka di mana ia menggalakkan aktiviti mungkar dan mencemarkan iklim masyarakat Muslim. Ulama' bersepakat bahawa setiap individu muslim wajib mencegah kemungkaran yang jelas berlaku di hadapan mereka. Kesepakatan para ulama' ini menunjukkan tidak gugur kewajipan setiap individu muslim terutamanya dalam kalangan pemimpin untuk memerangi dengan bersungguh-sungguh segala kemungkaran yang nyata dan jelas dilakukan ditempat-tempat terbuka. Sebagai contoh, menghalang penganjuran konsert-konsert yang diyakini mengundang pergaulan bebas, membatakan permohonan membuka premis-premis judi, menghentikan pelaburan terhadap perniagaan yang jelas haram seperti syarikat arak dan judi adalah lebih utama daripada mencegah maksiat tersembunyi seperti mengintip orang yang disyaki minum arak secara sembuni. Keutamaan ini bukanlah menafikan kepentingan mencegah maksiat tersembunyi, namun sekiranya usaha mencegah kemungkaran ini tidak menurut teladan Sunnah SAW, ia tidak akan membawa hasil yang maksimum. Pihak berkuasa mengambil langkah yang kurang tepat apabila penumpuan Pencegahan adalah memerangi maksiat tersembunyi, sedangkan kemungkaran yang nyata seperti program realiti TV yang melalaikan, pakaian yang menjolok mata di tempat terbuka, pergaulan bebas antara lelaki dan perempuan bukan mahram, premis-premis judi, arak dan hiburan diberikan lesen

beroperasi dengan mudah dan seumpamanya, dibiarkan terus berleluasa. Rasulullah SAW menunjukkan teladan yang cemerlang kepada kita dengan menutup sedaya mungkin ruang-ruang yang membawa kepada maksiat yang nyata. Sebagai contoh, Nabi SAW terlebih dahulu mencegah kemungkaran yang nyata seperti mengharamkan wanita menyerupai lelaki begitu juga sebaliknya, mengharamkan pergaulan bebas, dan seumpamanya supaya masyarakat terhindar daripada kemungkaran yang lebih berat seperti gay, lesbian, zina dan sebagainya.

#### **ii. Kemungkaran Tersembunyi**

Sementara kemungkaran tersembunyi pula bermaksud kemungkaran yang dilakukan bukan di hadapan orang ramai iaitu dilakukan secara diam-diam bertujuan untuk menyembunyikan perbuatan tersebut daripada penglihatan dan pengetahuan orang lain. Secara umumnya, ulama' menyatakan bahawa kemungkaran tersembunyi tidak wajib dicegah. Antara hujahnya, menurut al-Nawawi ketika memetik kata-kata Imam al-Haramain, "Orang yang menyuruh melakukan kebaikan tidak boleh menyelidik, mengetuk, mengintip dan menyerbu rumah-rumah orang lain hanya dengan sangkaan, malah apabila menemui kemungkaran dia merubahnya dengan bersungguh-sungguh".

Antara hujahnya, menurut al-Nawawi ketika memetik kata-kata Imam al-Haramain, "Orang yang menyuruh melakukan kebaikan tidak boleh menyelidik, mengetuk, mengintip dan menyerbu rumah-rumah orang lain hanya dengan sangkaan, malah apabila menemui kemungkaran dia merubahnya dengan bersungguh-sungguh".

Prof. Dr. Muhammad Na'im Yasin menerusi buku beliau bertajuk Al-Jihad Mayadinu wa Asalibuh menyebut, "Tidak harus bagi orang yang menjalankan kerja amar ma'ruf nahi mungkar mengintip orang ramai dan menyerbu rumah-rumah mereka hanya kerana syak wasangka. Hal ini kerana tidak boleh melakukan perkara yang diharamkan demi melaksanakan kewajipan amar ma'ruf nahi mungkar kecuali jika kemungkaran itu kemungkinan tergolong dalam jenayah di mana jika berlaku tidak mungkin sempat lagi untuk dihalang.....".

Al-Qaradawi pula berpendapat, "Kemungkaran itu mestilah nyata dan boleh dilihat. Adapun jika pelakunya melakukan secara sembunyian dari pandangan manusia dan menutup pintu rumahnya, maka tidak seorang pun boleh mengintipnya atau merakamnya secara diam-diam dengan menggunakan alat elektronik atau kamera video atau menyerbu rumahnya untuk memastikan kemungkarannya. Inilah yang ditunjukkan oleh lafadz hadith bermaksud; "Sesiapa yang 'melihat' kemungkaran...". Nabi s.a.w merujuk hukum mengubah kemungkaran itu dengan melihat dan menyaksikan kemungkaran yang berlaku bukan sekadar mendengar".

Menurut Al-Ghazzali pula, "Sesiapa yang menutup pintu rumahnya dan bersembunyi di sebalik dinding maka tidak boleh masuk ke dalamnya tanpa izin untuk mengetahui maksiatnya melainkan jika terzahir di rumah dalam bentuk yang diketahui oleh orang di luar rumah seperti suara seruling dan alat muzik bertali yang berbunyi lantang di mana bunyinya melepas pagar atau dinding rumah. Sesiapa yang mendengarnya boleh masuk untuk mencegah dan memecahkan alat yang melalaikan itu..."

Sementara Dr. Ahmad b Nasir al-'Ammar pula berpendapat, pencegah kemungkaran tidak boleh secara mutlak melakukan intipan dan siasatan terhadap kemungkaran yang tersembunyi di mana pelakunya berusaha bersungguh-sungguh menyembunyikan kemungkarannya. Hal demikian

termasuk dalam perbuatan tajassus yang dilarang Syarak. Sementara, kemungkaran yang tersembunyi yang ternyata perlakuannya kepada orang lain sama ada melalui penglihatan, pendengaran, dan sebagainya, maka harus bagi ahli hisbah mencegahnya. Antara sebab mengharuskan pencegahannya adalah seperti berikut;

1. Pelaku maksiat tersebut sendiri yang tidak bersungguh-sungguh menyembunyikannya.
2. Untuk menghormati penduduk setempat terutamanya dalam kalangan mereka-mereka yang baik dan soleh.
3. Kerana kemungkaran seperti ini hakikatnya berkait dengan kemungkaran yang nyata.
4. Supaya para pelaku maksiat tidak bersenang-senang dan merasa aman untuk berterusan melakukan maksiat.
5. Kerana menolak keburukan adalah lebih baik daripada mengambil manfaat.

Melalui perbahasan yang dinyatakan sebelum ini, dapat diketahui bahawa para ulama' bersepakat bahawa wajib mencegah kemungkaran yang nyata dan meletakkan usaha yang optimum untuk menanganiinya. Sebaliknya, terdapat perbezaan pendapat dalam kalangan ulama' dalam menetapkan hukum bagi mencegah kemungkaran tersembunyi. Walaupun kemungkaran tersembunyi ini juga perlu dicegah, namun mencegah kemungkaran yang nyata adalah lebih utama dan lebih wajar diberikan tumpuan kerana kemungkaran tersembunyi akan mampu dibendung apabila kemungkaran yang nyata dibanters dengan bersungguh-sungguh.

# Kedua

## Keutamaan hukuman Allah berbanding hukuman manusia

Apabila masyarakat telah dididik, kemungkaran yang nyata telah dibanteras, pintu-pintu kejahatan telah ditutup dan keperluan hidup yang asas telah dicukupkan, namun masih ada yang mahu melakukan maksiat, maka penguatkuasaan undang-undang diperlukan. Islam tidak menolak perlunya undang-undang untuk mengatasi jenayah dan kemungkaran, dengan syarat proses perlasanaannya mesti didahului oleh perkara-perkara di atas. Malah, Allah SWT telah mewajibkan hukuman hudud dan qisas untuk dilaksanakan.

Firman Allah SWT:

وَكَيْنَا عَلَيْهِمْ فِيهَا أَنَّ النَّفْسَ بِالنَّفْسِ وَالْعَيْنُ بِالْعَيْنِ وَالْأَنْفُ  
بِالْأَنْفِ وَالْأَذْنُ بِالْأَذْنِ وَالسَّمْعُ بِالسَّمْعِ وَالجُرْحُ قِصَاصٌ فِيمَنْ  
تَصْدِقُ بِهِ فَهُوَ كَفَارَةٌ لَهُ وَمَنْ لَمْ يَحْكُمْ بِمَا أَنزَلَ اللَّهُ فَأُولَئِكَ  
هُمُ الظَّالِمُونَ

Dan Kami telah tetapkan terhadap mereka di dalamnya (Taurat) bahwa jiwa (dibalas) dengan jiwa, mata dengan mata, hidung dengan hidung, telinga dengan telinga, gigi dengan gigi, dan luka-luka (pun) ada qisasnya. Barang siapa yang melepaskan (hak qisas)nya, maka melepaskan hak itu (menjadi) penyebus dosa baginya. Barang siapa tidak memutuskan perkara menurut apa yang diturunkan Allah, maka mereka itu adalah orang-orang yang zalim.(Al-Maidah: 45)

Di dalam Islam, undang-undang Allah terbahagi kepada tiga iaitu hudud, qisas dan ta'zir. Secara umum, hukuman hudud dan qisas adalah jenayah yang diperinci dan ditetapkan dengan jelas hukumannya berdasarkan Al-Quran dan Al-Sunnah. Sementara hukuman ta'zir berdasarkan ijtihad dan kebijaksanaan pemerintah. Rasulullah SAW sebagai pelaksana kepada syariat ini telah membuktikan bahawa hukuman Islam lebih bersifat mendidik dan menginsafkan kerana kadangkala ada manusia yang perlu disakiti fizikalnya, untuk memberi kesan didikan kepada hatinya. Kemungkaran pada zaman salaf al-soleh tidak berleluasa seperti zaman kini. Faktor utamanya adalah para salaf al-soleh berusaha melaksanakan hukuman Allah. Mereka memahami dengan jelas, mana hukuman Allah bersifat wajib untuk dilaksanakan dan mana hukuman yang bersifat ijtihami. Allah SWT telah merangka suatu sistem yang amat sempurna untuk hamba-hambanya. Allah SWT yang maha memahami setiap jiwa dan tabiat kejadian manusia di muka bumi ini. Setiap manusia memerlukan suatu sistem yang tepat dan sempurna untuk menyelesaikan per-

masalah mereka. Jelas, tiada yang lebih sempurna melainkan hukuman Allah SWT.

Malangnya, kita masih lagi mengagungkan Undang-undang manusia dan sistem barat, sehinggakan Mahkamah Sivil lebih tinggi kedudukannya daripada Mahkamah Syariah. Sedangkan Al-Quran sudah menyebut tentang kebaikan mengagungkan undang-undang Allah S.w.t.

Firman Allah SWT:

"Dan barangsiapa yang mengagungkan peraturan-peraturan suci dari Allah, maka itulah yang terbaik baginya di sisi Tuhan." [Surah al-Haj : Ayat 30]

Rasulullah SAW bersabda:

لَحْدِيْقَامِفِيَالْأَرْضِ حَبْيَا هُلْعَامِنَأَيْمَطْرُوا لَانِصِبَاخَا

Maksudnya:

"Hukum Hudud yang dilaksanakan di muka bumi adalah lebih baik bagi penduduk bumi dari mereka diberi hujan tiga puluh pagi." [Hadits riwayat An-Nasa-ie , dari Abu Hurairah , Sahih Ibnu Majah no; 2057, Ibnu Majah 2/848 no : 2538]

Hukuman Allah SWT di dunia ini adalah untuk mengingatkan bahawa hukuman di akhirat nanti jauh lebih dahsyat dan berat. Dengan terlaksananya hukuman Allah di dunia, pelaku maksiat berpeluang untuk menebus kesalahan mereka di dunia sebagai usaha bertaubat agar terselamat daripada azab Allah di Akhirat nanti. Disebabkan itulah, pesalah zina pada zaman Rasulullah SAW rela menyerah dirinya untuk dihukum demi menyelamatkan dirinya daripada hukuman di akhirat yang lebih dahsyat. Kerelaan tersebut dibuat tanpa intipan, tangkapan dan ancaman tetapi kerana hati mereka sudah terasa diawasi oleh Allah SWT. Namun sebagai manusia biasa, ada ketikanya tidak mampu lari dari kesilapan. Demikianlah penangan iman dan taqwa, hasil dakwah, didikan dan pimpinan langsung daripada Rasulullah SAW. Penguatkuasaan undang-undang adalah proses untuk mengislahkan segelintir manusia setelah proses-proses yang lain telah dijalankan tetapi kurang berkesan pada mereka. Walau bagaimanapun proses pengadilan, perbicaraan, penghakiman hingga lahir terlaksananya hukuman secara Islam akan dibuat secara adil dan saksama.

Kaedah Rasulullah SAW dalam mengatasi masalah manusia adalah unggul kerana syariatnya datang daripada Allah SWT yang menciptakan manu-

dahsyat.Kerelaan tersebut dibuat tanpa intipan, tangkapan dan ancaman tetapi kerana hati mereka sudah terasa diawasi oleh Allah SWT.Namun sebagai manusia biasa, ada ketikanya tidak mampu lari dari kesilapan.Demikianlah penangan iman dan taqwa, hasil dakwah, didikan dan pimpinan langsung daripada Rasulullah SAW. Penguatkuasaan undang-undang adalah proses untuk mengisahkan segelintir manusia setelah proses-proses yang lain telah dijalankan tetapi kurang berkesan pada mereka. Walau bagaimanapun proses pengadilan, perbicaraan, penghakiman hingga laksananya hukuman secara Islam akan dibuat secara adil dan saksama.

Kaedah Rasulullah SAW dalam mengatasi masalah manusia adalah unggul kerana syariatnya datang daripada Allah SWT yang menciptakan manusia, lengkap dengan masalah beserta jalan penyelesaiannya.Rasulullah SAW hadiruntuk membawa rahmat kepada sekalian Alam. Pembawa sinar kebenaran dan akhlak yang agung.Apabila sinar kebenaran tampak jelas, maka sirnalah kebatilan dan kesesatan.

Benarlah Firman Allah:

وَمَا أَرْسَلْنَاكَ إِلَّا رَحْمَةً لِّلْعَالَمِينَ

"Tidak Kami utuskan engkau (wahai Muhammad) melainkan untuk membawa rahmat ke seluruh alam." (Al Anbia:21:107)

Al-Qur'an al-Karim.

Ibn Kathir, Abu al-Fida' Ismail b Umar b Kathir al-Qurshi (2002), Tafsir al-Qur'an al-'Azim, Sami b Muhammad al-Salamah (ed.), 9 j. c. 2, Riyadh: Dar al-Taibah.

**Rujukan** Al-Qurtubi, Abu 'Abdullah Muhammad b Ahmad al-Ansari (2002), Al-Jami' Al-Ahkam Al-Quran,Hisham Samir al-Bukhari (ed.), 10 j, Beirut: Dar al-Ihya' al-Turath al-'Arabi.

'Abd al-Rahman Hasan al-Habannakah (t.t), Fiqh al-Da'wah wa al-Irshad, Damshiq: Dar al-Qalam.

'Abd al-Rahman b Abi Bakr b Daud al-Salihiy al-Hanbali, Al-Kanz al-Akbar fi al-Amr bi al-Ma'ruf wa al-Nahy 'an al-Munkar, Markaz Nazar Mustafa al-Baz (ed.), 2 j, al-Riyad: Maktabah Nazar Mustafa al-Baz.

'Abd Qadir 'Audah (1998), Al-Tashri' al-Jina'i al-Islami, 2 j. Beirut, Lubnan: al-Risalah.

'Abdullah 'Azzam (1996), Hukm al-'Amal fi Jama'ah wa al-Amr bi al-Ma'ruf wa al-Nahy 'an al-Munkar, Beirut: Dar Ibn Hazm.

Al-Ghazzali, Abu Hamid Muhammad b Muhammad al-Ghazzali (2002), Ihya' 'Ulum al-Din, Zain al-Din Abi al-Fadl Abd al-Rahim al-'Iraqi (ed.), j. 2, c. 3, Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.

Al-Mawardi, Abu al-Hasan 'Ali b Muhammad b Habib al-Basri al-Baghdadi (1994), Al-Ahkam al-Sultaniyyah fi al-Wilayah al-Diniyyah, c.2. Beirut: Dar al-Kitab al-'Arabi.

Ibn Taimiyah, Taqiy al-Din Ahmad b 'Abd al-Halim al-Taimiyah (2005), Majmu'ah al-Fatawa, 'Amir al-Jazzar & Anwar al-Baz (eds.), 20 j. c. 3. al-Mansurah: Dar al-Wafa'.

\_\_\_\_\_ (2002), Al-Amru bi al-Ma'ruf wa al-Nahy 'an al-Munkar, Beirut, Lubnan: Dar Ibn Hazm.

\_\_\_\_\_ (t.t),Al-Fatawa al-Kubra li Sheikh al-Islam Ibn Taimiyah, Husin Muhammad Makhluf (ed.), 5 j. Beirut: Dar al-Ma'rifah.

\_\_\_\_\_ (t.t), Al-Amru bi al-Ma'ruf wa al-Nahy 'an al-Munkar, Riyadh: Saudi Arabia.

Ibrahim b Mahna b Abdullah al-Muhanna (2004), Sad al-Dhara'i 'inda Sheikh al-Islam Ibn Taimiyah, Riyadh: Dar al-Fadhilah.

'Izzat 'Ubaid al-Da'as (1989), Al-Qawa'id al-Fiqhiyyah ma'a al-Sharh al-Mujaz, c. 4, Damshiq: Dar al-Tirmidhi.

Muhammad 'Abdullah al-Khatib (t.t), Min Fiqh Amr bi al-Ma'ruf wa al-Nahy 'an al-Munkar, Misr: Dar al-Manar al-Hadithah.

Muhammad b Husin b Hasan al-Jizani (2007), Ma'alim Usul al-Fiqh 'inda Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah, Saudi Arabia: Dar Ibn al-Jauzi.

Muhammad b Nasir b Abd al-Rahman al-'Ammar (1999), Haqiqah al-Amr bi al-Ma'ruf wa al-Nahy 'an al-Munkar: Arkanuhu